

# Penangkapan Ikan Air Tawar di NSW

## Rumusan Peraturan

JANUARI 2016



Apabila menangkap ikan di perairan NSW, anda diwajibkan membayar Yuran Penangkapan Ikan NSW Bagi Tujuan Rekreasi (kecuali jika diberi pengecualian) dan sedang memegang resit untuk pembayaran semasa.

Ini juga berkenaan dengan penangkapan udang getak, penangkapan udang yabby dan mengumpul umpan, atau apabila mempunyai peralatan penangkapan ikan di dalam, di atas atau berhampiran dengan perairan.



## Yuran penangkapan ikan bagi tujuan rekreasi

### Bila perlu saya bayar?

Apabila anda menangkap ikan di perairan NSW, baik air tawar mahupun air masin, di bawah undang-undang anda wajib membawa resit yang menunjukkan bayaran Yuran Penangkapan Ikan NSW Bagi Tujuan Rekreasi. Ini berkenaan apabila memancing dengan tali kail (joran atau tali kail tangan); memancing dengan tombak; mengumpul umpan atau apabila mengumpul invertebrat dengan menggunakan kaedah seperti memungut dengan tangan, menggali, mengepam, memerangkap dan jala udang.

Di air tawar, ini berkenaan apabila memancing di seluruh perairan pedalaman (yang tidak pasang surut) di NSW, termasuk mana-mana jasad air tawar. Ini juga berkenaan dengan mempunyai peralatan penangkapan ikan di dalam, di atas atau bersebelahan dengan perairan. Ini tidak berkenaan apabila memancing di empangan di tanah persendirian jika luas permukaan badan air (pada kandungan penuh) tidak melebihi 2 hektar. Sempadan perairan darat NSW termasuk seluruh Sungai Murray di sempadan South Australia (termasuk perairan Tasik Hume), semua bahagian Tasik Mulwala dari tembok Empang Limpah Yarrowwanga ke hulu sampai ke bahagian di mana Sungai Ovens mengalir ke dalam Sungai Murray di landai bot Bundalong dan apabila menangkap ikan di sebelah NSW di Sungai Dumaesq, MacIntyre dan Barwon (sempadan tengah perairan berkenaan untuk sungai-sungai ini).

*Perhatian. Empang Limpah Hume dikelola oleh Jabatan Industri Primer Negeri Victoria. Lesen penangkapan ikan negeri Victoria diperlukan dan undang-undang penangkapan ikan negeri Victoria berkenaan apabila menangkap ikan di Tasik Hume di Sungai Murray ke hulu sampai ke simpang dengan Seven Mile Creek dan simpang Sungai Mitta Mitta, ke hulu menuju punca sungai.*

### Berapa yuran ini?

■ \$7 untuk 3 hari ■ \$14 untuk 1 bulan ■ \$35 untuk 1 tahun ■ \$85 untuk 3 tahun

Jika anda melakukan penangkapan ikan di atas kapal piagam atau dengan juru pandu penangkapan ikan, anda mungkin akan mendapati bahawa anda telah termasuk dalam sijil pengecualian yang dipegang ketua pasukan atau pemandu anda. Sentiasa periksa sama ada anda perlu membayar yuran tersebut sebelum berangkat untuk menangkap ikan. Suatu konsesi lima puluh peratus berkenaan bagi orang yang hanya menangkap ikan di perairan pasang surut Sungai Tweed dan kawasan pantai bersebelahan yang telah ditetapkan. Pengecualian lain juga berkenaan. Rujuklah kepada *Panduan Penangkapan Ikan Air Tawar NSW Bagi Tujuan Rekreasi* atau laman web [www.dpi.nsw.gov.au/fisheries](http://www.dpi.nsw.gov.au/fisheries) untuk maklumat lanjut.

### Di mana perlu saya bayar yuran?

Anda boleh membayar di banyak cawangan di seluruh negeri NSW, misalnya kebanyakan kedai alat memancing, taman karavan, kedai tempatan, stesen minyak, banyak kedai Kmart, melalui internet di [www.onegov.nsw.gov.au](http://www.onegov.nsw.gov.au), atau sila telefon 1300 369 365.

### Bagaimana boleh saya dapatkan resit plastik?

Jika anda membayar dalam talian untuk tempoh satu tahun atau tiga tahun, menerusi telefon, di ejen Touch atau jika anda memperbaharui lesen anda dengan menggunakan surat pembaharuan anda, anda akan menerima resit plastik menerusi pos. Untuk semua cara bayaran lain, anda akan menerima resit kertas.

### Penggantian resit yuran

Harga resit yuran ganti ialah \$6.70. Sila telefon 02 4424 7499 untuk memperoleh resit ganti atau muat turun borang daripada laman web kami [www.dpi.nsw.gov.au/fisheries](http://www.dpi.nsw.gov.au/fisheries)

### Pelawat dari luar negeri dan luar negara

Lesen penangkapan ikan yang dikeluarkan oleh negeri, wilayah atau negara lain tidak sah untuk menangkap ikan di perairan negeri NSW. Semua pengunjung mesti membayar Yuran Penangkapan Ikan NSW Bagi Tujuan Rekreasi.

# Had karung, had ukuran, musim tertutup

Peraturan adalah kuat kuasa bagi membantu memastikan perikanan yang berkesinambungan bagi generasi mendatang. Had ukuran membolehkan ikan menjadi matang dan melalui kitaran pembiakan selengkapnya, manakala had karung membantu memastikan semua orang menerima bahagian yang adil daripada sumber ini dan spesies tidak ditangkap berlebihan. Mematuhi peraturan ini akan membantu memulihkan dan mengekalkan perikanan rekreasi air tawar kita. Panjang sah berkenaan bagi kebanyakan ikan air tawar dan khusus bagi setiap spesies. Panjang tersebut mencerminkan saiz apabila ikan tersebut dapat membiak sekurang-kurangnya sekali sebelum ditangkap.

## Spesies umum bagi tujuan rekreasi

Australian Bass ▼



Estuary Perch ▼



Belut Sirip Panjang (Longfin Eel) ▼



Belut Sirip Pendek Selatan (Southern Shortfin Eel) ▼



Keli Air Tawar (Freshwater Catfish) ▼



| Spesies ikan                                                      | Panjang sah minimum                                                   | Had harian                                                               | Had kepunyaan                                                             | Musim penangkapan ikan buka                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Australian Bass dan Estuary Perch                                 | -                                                                     | 2 (satu spesies atau lebih, hanya 1 boleh melebihi 35 cm di sungai).     | 4 (satu spesies atau lebih, hanya 1 boleh melebihi 35 cm di sungai).      | September hingga April di sungai di bawah pembendungan air tawar (tangkap dan lepas dibolehkan dari Mei hingga Ogos). Sepanjang tahun di pembendungan air tawar dan sungai di atas pembendungan air tawar.                                                                                                                                                                                                                                            |
| Udang Getak (Crayfish), Murray                                    | 10 cm – 12 cm                                                         | 2                                                                        | 4                                                                         | Jun hingga Ogos di perairan berikut: Sungai Murrumbidgee dan anak sungai tersebut kecuali Old Man Creek antara jambatan jalan Lebuhraya Hume, Gundagai dan 100 m ke hulu dari muka empang limpah di Empang Limpah Beremmed berhampiran Ganmain. Sungai Murray dan anak sungai tersebut dari 130 m di bawah Empang Limpah Hume berhampiran Albury ke jambatan jalan Lebuhraya Newell di Tocumwal. Semua perairan lain tertutup untuk penangkapan ikan. |
| Udang Getak Lain yang Berduri (Crayfish, other Spiny)             | 9 cm                                                                  | 5 (satu spesies atau lebih, hanya 1 boleh lebih panjang daripada 12 cm). | 10 (satu spesies atau lebih, hanya 1 boleh lebih panjang daripada 12 cm). | Sepanjang tahun. Tidak boleh ditangkap di perairan ikan trout.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Belut, Sirip Pendek Selatan (Eel, Southern Shortfin)              | 30 cm                                                                 | 10                                                                       | 10                                                                        | Sepanjang tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Belut, Sirip panjang (Eel, longfin)                               | 58 cm                                                                 | 10                                                                       | 10                                                                        | Sepanjang tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Keli Air Tawar (Berekor belut) (Freshwater Catfish, (Eel-tailed)) | 30 cm di empangan yang disenaraikan, empangan timur dan sungai timur. | 5 di empangan yang disenaraikan dan empangan timur, 2 di sungai timur.   | 10 di empangan yang disenaraikan dan empangan timur, 4 di sungai timur.   | Sepanjang tahun di sungai timur, empangan timur dan empangan yang disenaraikan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Golden Perch                                                      | 30 cm                                                                 | 5                                                                        | 10                                                                        | Sepanjang tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Murray Cod                                                        | 55 cm – 75 cm                                                         | 2                                                                        | 4                                                                         | Disember hingga Ogos setiap tahun. Sepanjang tahun di Empangan Copeton.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| Silver Perch                                                      | 25 cm di empangan yang disenaraikan                                   | 5 di empangan yang disenaraikan.                                         | 10 di empangan yang disenaraikan.                                         | Sepanjang tahun di empangan yang disenaraikan. Tidak boleh ditangkap di sungai atau di empangan lain.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

Atlantic Salmon ▼



Brook Trout ▼



Brown Trout ▼



Rainbow Trout ▼



## Dilindungi daripada penangkapan

Penangkapan ikan dilarang. Jika tertangkap, segera kembalikan ke dalam air

## River Blackfish dan Two-Spined Blackfish

(Jumlah ikan River Blackfish terancam di kawasan tadahan Snowy River.) ▼





## Spesies terancam

Penangkapan ikan tidak dibenarkan. Jika tertangkap, segera kembalikan ke dalam air.

## Eastern Cod (Air Tawar) (terancam) ▼





| Spesies ikan                                             | Panjang sah minimum                                                                                                                                    | Had harian                                                                                                                                                                                                                      | Had kepunyaan                                                                                                                                                                                                                    | Musim penangkapan ikan buka                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Trout dan salmon                                         | 25 cm di anak sungai dan empangan lalat dan umpan tiruan.<br><br>50 cm di anak sungai di mana ikan trout membiak.<br><br>25 cm di semua perairan lain. | 2 (satu spesies atau lebih) di anak sungai dan empangan lalat dan umpan tiruan.<br><br>1 (satu daripada sebarang spesies) di anak sungai di mana ikan trout membiak.<br><br>5 (satu spesies atau lebih) di semua perairan lain. | 4 (satu spesies atau lebih) di anak sungai dan empangan lalat dan umpan tiruan.<br><br>2 (satu daripada sebarang spesies) di anak sungai di mana ikan trout membiak.<br><br>10 (satu spesies atau lebih) di semua perairan lain. | Dari permulaan cuti panjang akhir minggu bulan Oktober hingga penghujung cuti panjang akhir minggu bulan Jun di anak sungai lalat dan umpan tiruan. Empangan lalat dan umpan tiruan buka untuk penangkapan ikan sepanjang tahun.<br><br>Dari 1 Mei hingga penghujung cuti panjang akhir minggu Jun. Peraturan untuk anak sungai lalat dan umpan tiruan berkenaan dari permulaan cuti panjang akhir minggu bulan Oktober hingga 30 April.<br><br>Dari permulaan cuti panjang akhir minggu bulan Oktober hingga penghujung cuti panjang akhir minggu bulan Jun di anak sungai ikan trout am. Empangan ikan trout am dan semua perairan lain buka untuk penangkapan ikan sepanjang tahun. |
| Udang Yabby, Air Tawar (Yabbies, Freshwater)             | -                                                                                                                                                      | 200                                                                                                                                                                                                                             | 200                                                                                                                                                                                                                              | Sepanjang tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Iain ikan bersirip asli                                  | -                                                                                                                                                      | 10 (satu spesies atau lebih selain daripada invertebrat).                                                                                                                                                                       | 10 (satu spesies atau lebih selain daripada invertebrat).                                                                                                                                                                        | Sepanjang tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Ikan bersirip tidak asli (kecuali ikan trout dan salmon) | -                                                                                                                                                      | -                                                                                                                                                                                                                               | -                                                                                                                                                                                                                                | Sepanjang tahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |

Dalam jadual ini, istilah 'empangan timur' dan 'sungai timur' merujuk kepada perairan yang terletak dalam saliran timur negeri NSW. Had pemegangan merupakan bilangan maksimum ikan per orang jika anda telah menangkap ikan selama lebih daripada sehari. Satu hari bersamaan dengan tempoh 24 jam dari tengah malam hingga tengah malam.

Penangkapan sebarang spesies ikan di anak sungai am ikan trout, anak sungai lalat dan umpan tiruan serta anak sungai pembiakan ikan trout dari penghujung cuti panjang akhir minggu bulan Jun hingga permulaan cuti panjang akhir minggu bulan Oktober dilarang. Tempoh tutup penangkapan ikan musiman mungkin berkenaan di perairan lain. Rujuklah kepada Pedoman Penangkapan Ikan Air Tawar NSW Bagi Tujuan Rekreasi, atau laman web [www.dpi.nsw.gov.au/fisheries](http://www.dpi.nsw.gov.au/fisheries) untuk senarai menurut abjad bagi anak sungai dan empangan yang digolongkan sebagai perairan ikan trout. Jika anak sungai tertentu tidak disenaraikan, carilah nama anak sungai utama yang menerima anak sungai tersebut.

### Senarai empangan di mana Silver Perch dan ikan keli boleh ditangkap:

**Silver Perch:** Ben Chifley, Blowering, Burrendong, Burrinjuck, Chaffey, Copeton, Glenbawn, Glennies Creek, Googong, Jounama, Keepit, Lake Albert, Pindari, Split Rock, Windamere, Wyangala, Wyangan, Yass.


**Ikan Keli Air Tawar:** Ben Chifley, Burrendong, Chaffey, Copeton, Glenbawn, Glennies Creek, Keepit, Pindari, Split Rock, Windamere, Wyangala, Ikan keli juga boleh ditangkap di semua empangan timur dan sungai timur.

### Mengukur ikan



Panjang minimum/maksimum adalah dari hujung mulut hingga hujung ekor

### Mengukur udang getak



Panjang minimum adalah dari lekuk mata belakang ke pertengahan belakang karapas



### Spesies hama utama

**Kap Umum (Common Carp)**  
(Kap hidup tidak boleh digunakan sebagai umpan.)



**Redfin** (mempunyai Redfin hidup adalah haram. Redfin hidup atau mati tidak boleh digunakan sebagai umpan.)



# Menangkap ikan untuk masa hadapan

Had saiz dan karung wujud bagi memastikan bekalan ikan membiak yang sihat mencukupi dan hasil tangkap dikongsi dengan adil antara penangkap ikan.



Kaedah penangkapan ikan yang dibenarkan

| Perairan tidak pasang surut                                                  | Bilangan maksimum tali kail yang dijaga       | Bilangan maksimum kail yang dibenarkan untuk tiap tali kail |
|------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| Perairan pedalaman am (selain daripada perairan ikan trout)                  | 2 (tali kail tangan atau joran dan tali kail) | 2                                                           |
| Empangan ikan trout am                                                       | 2 (joran dan tali kail sahaja)                | 2 (umpan) atau 3 (lalat, umpan tiruan sahaja)               |
| Anak sungai ikan trout am                                                    | 1 (joran dan tali kail sahaja)                | 2                                                           |
| Empangan lalat dan umpan tiruan (tanpa penangkapan ikan dengan umpan)        | 1 (joran dan tali kail sahaja)                | 3 (lalat, umpan tiruan sahaja)                              |
| Empangan lalat dan umpan tiruan (tanpa penangkapan ikan dengan umpan)        | 1 (joran dan tali kail sahaja)                | 2 (lalat, umpan tiruan sahaja)                              |
| Anak sungai di mana ikan trout membiak (tanpa penangkapan ikan dengan umpan) | 1 (joran dan tali kail sahaja)                | 2 (lalat, umpan tiruan sahaja)                              |

Perhatian. Tali kail yang dijaga mesti berada dalam jarak 50 meter dan juga berada dalam garis penglihatan anda. Sampai tiga (3) kail ganda tiga yang terpasang pada sebarang lalat atau umpan tiruan dibenarkan. Lalat atau umpan tiruan dianggap sebagai kail tunggal. Jika anda menggunakan, memegang atau mempunyai tali kail yang dipasang kail melebihi bilangan tali kail maksimum yang dibenarkan, atau menggunakan lebih daripada bilangan maksimum kail yang dibenarkan bagi setiap tali kail yang dijaga, anda sedang melakukan kesalahan dan hukuman berat mungkin dikenakan.

Jala dan perangkap


Harap gunakan cara yang masuk akal ketika menempatkan peralatan penangkapan ikan anda yang dipasang. Jangan ditempatkan di kawasan berlalu lintas bot yang sibuk atau di jalan air. Untuk mengurangkan risiko orang atau bot terjat, sebarang tali pelampung digunakan untuk menandai peralatan penangkapan ikan yang dipasang mesti sependek mungkin.

Mengganggu peralatan penangkapan ikan yang dipasang merupakan suatu kesalahan. Semua peralatan penangkapan ikan yang dipasang mesti diangkat dalam masa 24 jam, walaupun penangkap ikan digalakkan memeriksa peralatan mereka secara berkala bagi memastikan sebarang hasil tangkapan yang tidak dikehendaki dikembalikan ke dalam air secara selamat.

Penutupan tertentu boleh melarang penggunaan, atau menghadkan bilangan jaring dan perangkap.

Jala lingkar atau jala angkat


- Ukuran maksimum: Jala dipasang dengan tidak lebih daripada 2 gelung, gelang atau bingkai terpasang pada jala, tetapi tidak terkait antara satu sama lain oleh sebarang bingkai tegar. Panjang jala (termasuk gelung, gelang atau bingkai) tidak melebihi 1 meter. Diameter atau pepenjur terpanjang gelung, gelang atau bingkai tidak melebihi 1.25 meter.
- Saiz mata: Mata jala tidak kurang daripada 13 mm.
- Bilangan maksimum: Kecuali dinyatakan lain, 5 perangkap boleh dipasang, digunakan atau berada dalam kepunyaan anda.
- Tempoh maksimum yang ditetapkan: Tidak boleh dibiarkan terpasang selama lebih daripada 24 jam.
- Pengenalan: Boja mesti diletakkan di atas jala dan berukuran tidak kurang daripada 100 mm dalam semua dimensi dan mesti berada 50 mm di atas permukaan air dengan huruf HN dan huruf pangkal, nama keluarga, tahun kelahiran dan poskod pengguna, setinggi 15 mm, jelas kelihatan dan dengan warna yang berlainan dengan boja. Sebarang tali yang diikat pada boja tidak boleh terapung pada permukaan air.
- Perairan: Boleh digunakan di perairan pedalaman untuk menangkap udang yabby kecuali di perairan tertutup dan perairan ikan trout (selain daripada menggunakan sampai 5 jala gelung atau lif untuk menangkap yabby di Empangan Googong dan Tasik Lyell, Wallace, Eucumbene atau Jindabyne).



Perhatian: Jala hanya digunakan sebagai alat tangan dan hanya dengan cara diturunkan ke dalam air dan kemudian menarik jala ke permukaan secara menegak.

Perangkap udang

- Ukuran maksimum: 0.6 m x 0.5 m x 0.5 m.
- Saiz mata: 13 mm maksimum diukur melintang pepenjur.
- Corong masuk: Lebar maksimum lubang dalam 35 mm.
- Bilangan maksimum: Sebuah (1) perangkap boleh dipasang, digunakan dan berada dalam kepunyaan anda.
- Tempoh maksimum yang ditetapkan: Tidak boleh dibiarkan terpasang selama lebih daripada 24 jam.
- Pengenalan: Mesti mempunyai tanda dengan ukuran sekurang-kurangnya 80 mm x 45 mm, yang dipasang pada perangkap separas dengan atau di atas permukaan air, dan jelas memaparkan huruf ST dengan huruf pangkal, nama keluarga, tahun kelahiran dan poskod penangkap ikan, dalam huruf yang jelas kelihatan, tidak kurang daripada 15 mm tinggi dalam warna yang berbeza.
- Perairan: Boleh digunakan di perairan pedalaman untuk menangkap udang air tawar dan yabby dan, kecuali kawasan tertutup dan perairan ikan trout.




Jala hasil tangkap

Hanya boleh digunakan sebagai alat bantu bagi mengambil ikan yang ditangkap dengan tali kail tangan atau joran.

Jala udang yabby yang ditarik tangan

- Ukuran maksimum: Sampai 6 m panjang diukur sepanjang tali kajar atas.
- Saiz mata: 40 mm maksimum diukur melintang pepenjur.
- Bilangan maksimum: Didorong oleh satu (1) orang. Satu (1) orang lain boleh membantu dalam operasi jala. Boleh digunakan dengan atau tanpa tali atau tiang kail yang ditarik.
- Tempoh maksimum yang ditetapkan: Sifar. Mesti didorong secara berterusan dan manual. Tidak boleh dipasang, dipasak atau disambung dengan sebarang jala lain.
- Perairan: Hanya boleh digunakan untuk menangkap udang yabby di perairan pedalaman, iaitu tangki dalam tanah, parit perigi atau danau. Tidak dibenarkan di mana-mana sungai atau empangan awam, atau di kawasan tertutup atau perairan ikan trout.
- Mesti digunakan sebagai alat tangan sahaja.



Perangkap Yabby (termasuk Opera House dan Kulkylene)

- Ukuran maksimum: 1 m x 0.6 m x 0.3 m.
- Saiz mata: 13 mm minimum diukur melintang pepenjur regang daripada simpul ke simpul. Mata tegar seperti logam atau plastik keras dilarang.
- Corong masuk: Mesti mempunyai gelang tegar dengan diameter dalam maksimum 90 mm supaya bahagian paling sempit tidak melebihi 90 mm. Ini bagi melindungi platypus, penyu dan burung daripada memasuki perangkap untuk mencari makanan dan terjat dalam perangkap.
- Nelayan juga digalakkan untuk meletakkan lubang keluar bulat pada bahagian tertinggi sebarang perangkap yabby untuk sebarang haiwan bernafas udara yang mungkin tidak sengaja memasuki sebarang perangkap. Lubang keluar juga mesti mempunyai gelang tegar 90 mm.
- Bilangan maksimum: Kecuali dinyatakan lain, lima (5) buah perangkap boleh dipasang, digunakan atau berada dalam kepunyaan anda.
- Tempoh maksimum yang ditetapkan: Tidak boleh dibiarkan terpasang selama lebih daripada 24 jam.
- Pengenalan: Kedudukan perangkap ditentukan dengan pelampung atau tanda. Jika perangkap ditandai dengan pelampung, pelampung tersebut mesti dipasang di atas perangkap dan berukuran tidak kurang daripada 100 mm untuk setiap dimensi, dan mesti berada 50 mm di atas paras air. Jika perangkap ditandai dengan tanda, tanda tersebut mesti dipasang pada perangkap separas dengan atau di atas permukaan air, dengan ukuran sekurang-kurangnya 80 mm x 45 mm. Tanda pengenalan dan pelampung mesti jelas memaparkan huruf YT dengan huruf pangkal, nama keluarga, tahun kelahiran dan poskod orang yang menggunakan perangkap, dalam huruf yang jelas kelihatan, tidak kurang daripada 15 mm tinggi dalam warna yang berbeza.
- Perairan: Boleh digunakan di perairan pedalaman untuk menangkap yabby dan udang air tawar, kecuali perairan ikan trout dan perairan terlindung, serta kawasan-kawasan berikut di mana platypus ditemui:
  - a. perairan ke timur Lebu Raya Newell
  - b. Sungai Murray dari Lebu Raya Newell di Tocumwal ke hilir menuju Jambatan Echuca Road
  - c. Sungai Edward dari Sungai Murray di Picnic Point ke hilir menuju Empang Limpah Stevens
  - d. Sungai Murrumbidgee dari Narrandera ke Jambatan Jalan Darlington Point.

Membusur ikan

Suatu program perintis yang membenarkan pembusuran ikan kap di beberapa perairan pedalaman khusus telah diterapkan pada akhir tahun 2015. Percubaan tersebut dikawal ketat di sejumlah tapak di pedalaman NSW dan diurus bersama oleh Unit Pelesenan Buruan Liar dan Bahagian Perikanan Jabatan Industri Primer. Untuk maklumat lanjut, kunjungilah [www.dpi.nsw.gov.au/hunting/game-and-pests/bowfishing-for-carp](http://www.dpi.nsw.gov.au/hunting/game-and-pests/bowfishing-for-carp).

## Kaedah dan kegiatan penangkapan ikan yang dilarang

### Penangkapan ikan dengan tali kail – anda tidak dibenarkan:

- memasang tali kail, menjatuhkan tali kail, atau melakukan *jag* (mengail buta)
- menggunakan tali kail tangan di perairan ikan trout (hanya joran dan tali kail dibenarkan).
- menggunakan, membawa atau mempunyai tali kail yang melebihi bilangan tali maksimum yang dibenarkan merupakan kesalahan dan hukuman berat mungkin dikenakan. Tali ganti seharusnya tidak berkail, iaitu seharusnya tidak dipasang kail atau umpan, dan harus disimpan dengan elok.

### Peralatan dan kaedah – anda tidak dibenarkan menggunakan:

- tombak ikan di perairan pedalaman.
- panah, senapang panah atau busur dan anak panah\* di perairan pedalaman (\*lihat rujukan membusur ikan)
- bahan peletup, senjata api atau perkakas elektrik.
- perangkap ikan, jala insang, jala gendang, jala ketam, jala pukat atau sebarang peralatan lain yang haram.
- cahaya atau tangan anda (mis. 'menggel'i) untuk menangkap ikan trout dan salmon
- jala udang yabby yang ditarik tangan di sungai atau empangan untuk menangkap udang yabby
- perangkap dan jala di perairan ikan trout kecuali jala gelung atau lif di Empangan Googong dan Tasik Lyell, Wallace, Eucumbene atau Jindabyne untuk menangkap udang yabby.

### Memotong ikan

Anda mesti tidak mengubah ukuran ikan yang tertakluk kepada had saiz minimum atau maksimum semasa anda berada di dalam, di atas atau bersebelahan dengan mana-mana perairan dengan cara apa pun, selain daripada membuang perut, insang dan sisik. Anda tidak boleh membuang kepala atau ekor. Peraturan ini tidak berkenaan jika ikan tersebut sedang disiapkan untuk segera dimakan, sedang disiapkan untuk segera digunakan sebagai umpan, jika ikan tersebut sedang dibersihkan di kemudahan pembersihan ikan atau meja pembersihan ikan di tanjakan bot, atau untuk ikan yang tidak mempunyai ukuran sah.

### Umpan – anda tidak dibenarkan menggunakan:

- katak
- ikan hidup bersirip di perairan pedalaman, termasuk ikan kap atau spesies hama lain
- ikan atau bahagian ikan yang bukan ikan tempatan, sama ada hidup atau mati, selain daripada ikan kap mati
- burung hidup atau mamalia hidup
- ikan bersaiz terlarang sebagai umpan
- ikan trout dan salmon atau keluaran yang mengandungi telur ikan tersebut
- *Power bait™* atau sebarang keluaran umpan tiruan buatan yang serupa di perairan lalat dan umpan buatan, serta anak sungai pembiakan ikan trout

### Udang getak – anda tidak dibenarkan:

- mengambil Udang Getak Murray di mana-mana perairan di NSW selain daripada di Sungai Murrumbidgee dan anak sungai tersebut kecuali Old Man Creek antara jambatan jalan Lebuhraya Hume, Gundagai dan 100 m ke hulu dari muka empang limpah di Empang Limpah Berembad berhampiran Ganmain, dan di Sungai Murray dan anak sungai tersebut dari 130 m di bawah Empang Limpah Hume berhampiran Albury ke jambatan jalan Lebuhraya Newell di Tocumwal, antara bulan Jun hingga Ogos (termasuk)
- membuang kepala, ekor dan penjepit atau mempunyai ekor dan/atau penjepit apabila anda berada di dalam, di atas atau bersebelahan dengan perairan. Peraturan ini tidak berkenaan jika udang getak tersebut sedang disiapkan untuk segera dimakan, sedang disiapkan untuk segera digunakan sebagai umpan, jika udang getak tersebut sedang dibersihkan di kemudahan pembersihan ikan atau meja pembersihan ikan di tanjakan bot
- menyimpan udang getak, termasuk udang yabby, Udang Getak Murray atau Udang Getak Berdurian lain yang mempunyai telur, atau membuang telur tersebut. Udang getak yang mempunyai telur mesti dikembalikan ke dalam air.

### Am – anda tidak dibenarkan:

- mengambil atau cuba mengambil sebarang spesies di perairan yang tertutup bagi tujuan penangkapan ikan
- mempunyai peralatan penangkapan ikan tambahan atau terlarang di dalam, di atas, atau bersebelahan dengan perairan
- mengambil spesies yang terancam atau terlindung
- menyimpan ikan yang bersaiz terlarang – ikan bersaiz terlarang harus segera dikembalikan ke dalam air tanpa dibahayakan
- melebihi had jumlah ikan yang boleh anda punyai semasa mengangkut atau menyimpan ikan sedemikian. Suatu pengecualian adalah jika ikan tersebut telah dibeli daripada penerima ikan yang berdaftar, misalnya kedai ikan
- menggunakan sebarang kaedah (mis. penangkapan ikan dengan tali kail, perangkap, jala, pengumpulan umpan) di kawasan tertutup
- menjual hasil tangkapan bagi tujuan rekreasi.

## Maklumat lanjut

Peraturan penangkapan ikan dalam risalah ini kuat kuasa pada masa cetak dan tidak boleh digunakan sebagai pembelaan di mahkamah undang-undang. Untuk maklumat lanjut mengenai peraturan penangkapan ikan, hubungi pejabat Perikanan NSW DPI tempatan atau lihatlah laman web [www.dpi.nsw.gov.au/fisheries](http://www.dpi.nsw.gov.au/fisheries) Ringkasan peraturan untuk air masin disediakan dalam format yang serupa. Juga disediakan pedoman terperinci untuk penangkapan ikan bagi tujuan rekreasi.

**Laporkan penangkapan ikan secara haram kepada pejabat Perikanan NSW DPI terdekat atau Fishers Watch Phoneline pada nombor telefon 1800 043 536.**